



YB Datuk Seri Panglima Haji Yahya Hussin, ketika berucap pada Majlis Perasmian

Kejohanan Wajadiri Silat Pusaka Ustaz Hanafi 2014 Kini Di Sabah

oleh: Noor Azliah Awang

SABTU, 22 Mac – Kejohanan Wajadiri Nasional Silat Cekak Pusaka Hanafi Peringkat IPT dan Sekolah 2014 telah dilangsungkan bertempat di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Likas pada 22 Mac 2014.

Majlis perasmian penutupan tersebut telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Panglima Haji Yahya Hussin, selaku Timbalan Ketua Menteri Sabah. Turut sama dalam majlis tersebut pewaris mutlak Silat Pusaka Ustaz Hanafi iaitu anaknya YM Dr Syeikh Hj Md Radzi Bin Hj Hanafi Al-Qadahi.

Beliau berkata, "Buat julung kalinya, Sabah terpilih sebagai tuan rumah Kejohanan Wajadiri Nasional Silat Cekak Pusaka Hanafi Peringkat IPT dan Sekolah 2014".

Terdapat 41 penyertaan iaitu 33 penyertaan IPTA dan 17 penyertaan sekolah dari seluruh Malaysia. Beberapa kategori yang dipertandingkan pada kejohanan tersebut diantaranya ialah sepasang kaki, sepasang tongkat, sepasang pisau, sepuluh buah jatuh standard, papan sekeping dan umum.

Kejohanan ini mengambil kira beberapa aspek dalam menentukan mereka yang terbaik berdasarkan keaslian, ketangkasan, kemantapan dan kekemasan bunga yang mereka persembahkan.

Kejohanan ini merupakan satu sukan yang diadakan setiap tahun untuk pelajar Silat Pusaka Ustaz Hanafi bertujuan melihat penguasaan silat yang telah dipelajari oleh mereka selama ini. Kejohanan ini merupakan satu persiapan awal bagi mereka sebelum menghadapi dunia luar yang penuh dengan cabaran.

Dalam pertandingan tersebut Institut Latihan Perindustrian dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Usman Awang masing-masing telah muncul juara keseluruhan dalam Kejohanan Wajadiri Silat Cekak Pusaka Ustaz Hanafi peringkat IPT dan sekolah 2014.